

**HUBUNGAN ANTARA PENGETAHUAN DAN SIKAP MAHASISWA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA TERHADAP GOLONGAN
ORANG KURANG UPAYA**

*(Relationship between Knowledge and Attitude of Students towards People with Disabilities
in Universiti Kebangsaan Malaysia)*

Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pengetahuan dan sikap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) terhadap golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Hal ini kerana budaya tempatan yang mengamalkan sikap prejudis terhadap golongan OKU amat sukar dikikis jika generasi kini tidak memahami dan menjiwai kehidupan yang dialami oleh golongan OKU. Ketidakhafaman masyarakat umum kepada golongan OKU menjadikan mereka cenderung menunjukkan sikap dan tingkah laku yang negatif terhadap golongan OKU. Justeru, kajian ini dilakukan bertujuan mengukur sejauhmana mahasiswa UKM mempunyai pengetahuan tentang golongan OKU dan menunjukkan sikap yang positif terhadap golongan OKU. Kajian berbentuk kuantitatif ini menggunakan soal selidik yang telah diedarkan kepada 260 sampel daripada 12 program iaitu pelajar Tahun 3 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Hasil analisis data mendapati tahap pengetahuan dalam kalangan mahasiswa Tahun 3 FSSK adalah tinggi dengan min=3.00 dan sikap (min=3.21) terhadap golongan OKU dengan nilai korelasi, $r=.460^{**}$. Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan yang tinggi mengenai golongan OKU akan dapat membentuk sikap yang positif terhadap golongan OKU. Implikasi kajian ini diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap mahasiswa OKU yang turut sama dalam menuntut ilmu di peringkat pengajian tinggi sebagai persediaan melangkah ke alam pekerjaan dan dunia sebenar.

Kata Kunci: Pengetahuan, Sikap, Golongan Orang Kurang Upaya (OKU), Mahasiswa, Kuantitatif

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the level of knowledge and attitude of Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) students towards the disabled (PWD). This is because local cultures that practice prejudice against disability are very difficult to erode if the present generation does not have this understanding towards the lives of disabled people. Common misconception of the normal people about the disabled makes them impelling to show negative attitudes and behaviors towards the disabled. Hence, this study is aimed to see how far the UKM students have knowledge about PWDs and have a positive attitude towards OKU. This quantitative study uses a questionnaire distributed to 260 samples from 12 programs namely Year 3 students at the Faculty of Social and Humanities (FSSK), UKM. The result shows that the level of knowledge among FSSK Year 3 students was above average with mean = 3.00 and attitude (mean = 3.21) towards the PWD with correlation value, $r = .460^{**}$. This finding suggests that a high level of knowledge about PWDs can shape a positive attitude towards the disabled. The implication of this study is expected to improve the knowledge and attitude of

students towards disabled students who are studying in higher education as a preparation for real-world employment.

Keywords: knowledge, attitude, people with disabilities (PWD), students, quantitative

PENDAHULUAN

Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan yang boleh menyekat penyertaan penuh dan keberkesanan mereka dalam masyarakat yang termaktub dalam (Akta Orang Kurang Upaya, 2008). Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2010), dianggarkan bahawa bilangan orang kurang upaya yang terdapat di Malaysia ialah 2.8 juta orang. Namun demikian, bilangan orang kurang upaya yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat hanya dianggarkan 280 ribu orang iaitu hanya 10% sahaja daripada jumlah yang sepatutnya. OKU begitu sinonim dengan masyarakat di luar dan dalam negara kerana tidak semua manusia mempunyai fizikal dan mental yang sempurna seperti orang normal. Perbezaannya adalah layanan yang diberikan kepada golongan OKU oleh masyarakat yang dikelilingi oleh golongan OKU. Layanan yang diberikan adalah berbeza berdasarkan sikap dan tingkah laku masyarakat yang ditonjolkan ketika berhadapan dengan golongan OKU. Pengetahuan berkenaan OKU juga boleh mempengaruhi tingkah laku masyarakat terhadap golongan OKU.

Kajian lepas menyatakan bahawa sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif seperti layanan yang tidak mesra terhadap mereka seperti dalam konteks sosial, pendidikan dan vokasional (Rao, 2004). Sikap prejudis yang diamalkan oleh masyarakat sukar dikikis kerana mereka tidak mengalami perkara yang dialami oleh golongan OKU. Masyarakat tidak memahami perkara dan keadaan yang berlaku kepada golongan OKU lalu menunjukkan sikap dan tingkah laku yang negatif terhadap golongan OKU. Masyarakat yang tidak bertanggungjawab dan tidak mempunyai nilai-nilai murni akan memberi layanan yang tidak mesra terhadap golongan OKU. Dari segi konteks sosial, masyarakat mudah untuk meminggirkan golongan OKU dan memberi sikap yang tidak prihatin seperti tidak memberikan tempat duduk kepada golongan OKU dalam pengangkutan awam. Manakala, dari aspek pendidikan pula, tidak ramai guru dan ibu bapa yang mempunyai kemahiran dalam memberikan bimbingan pendidikan yang sewajarnya kepada golongan OKU yang akhirnya pelajar OKU tidak mendapat manfaat sepenuhnya ketika menuntut ilmu. Seterusnya, dari segi kemahiran vokasional pula, golongan pelajar OKU kebanyakannya mempunyai pilihan yang sangat terhad disebabkan pilihan-pilihan yang ada hanya bersifat asas dan terhad sahaja agar tidak terlalu membebani kekurangan fizikal mahupun mental pelajar OKU. Antara contoh latihan dan kemahiran vokasional yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah kemahiran menjahit, bertukang dan membuat kuih-muih. Hal ini sekaligus menyebabkan golongan OKU tidak dapat menyerlahkan kemampuan diri mereka yang sebenarnya jauh lebih baik daripada pelajar normal.

Tambahan lagi, situasi pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi umumnya, kebanyakan pelajar OKU didapati terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal yang sangat terhad atau hampir tiada seperti kemudahan *ramp* dan lif juga laluan khas OKU. Hakikatnya, golongan pelajar OKU juga memerlukan peluang pelajaran sehingga tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai akal fikiran seperti manusia normal juga. Namun begitu, apabila mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi,

mereka mempunyai halangan persekitaran yang memberi kesukaran kepada mereka untuk bergerak ke tempat yang ingin dituju. Sebagai contoh, prasarana fizikal yang tidak menyediakan laluan untuk mereka yang menggunakan kerusi roda atau *wheelchair* atau tangga tidak mempunyai *railing* sekaligus menjadi halangan untuk mereka bergerak secara bebas. Mereka tidak mampu untuk bergerak kerana terdapat halangan seperti berikut. Oleh itu, pelajar OKU tersebut terpaksa memikirkan laluan lain yang sesuai untuk ke kelas dan sebagainya. Hal ini kerana pelajar OKU juga memerlukan pelajaran seperti pelajar normal yang lain. Apabila mereka mempunyai tugas atau perlu ke tempat yang mereka inginkan, pelajar OKU dianggap beban kerana pelajar lain perlu memberi bantuan kepada mereka seperti menolak kerusi roda untuk mempercepatkan perjalanan mereka khususnya apabila tugas kumpulan. Malah, menurut Hasnah, Tajul, Hanafi, Mokhtar dan Hazwani (2009) pelajar OKU juga perlu berdepan dengan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap pelajar OKU yang menganggap mereka adalah beban kepada pelajar lain. Sikap negatif yang sering dihadapi oleh pelajar OKU adalah mereka sering dipandang rendah dan dianggap sebagai suatu bebanan.

Pengetahuan dan pemahaman tentang hak golongan OKU dalam kalangan masyarakat normal yang lain juga adalah sangat penting. Menurut kajian Samsudin (2002) menunjukkan bahawa tanpa pengetahuan yang cukup, seseorang individu tidak boleh membuat keputusan dan tindakan yang positif terhadap sesuatu isu. Dalam hal ini, pengetahuan tentang keadilan hak golongan OKU untuk turut serta dalam golongan normal seringkali diabaikan kerana masih terhad kepada bahan dan perkongsian tentang golongan ini. Pengetahuan seperti reka bentuk fasiliti dalam merancang pembangunan dan penerapan nilai-nilai murni yang perlu ada dan diamalkan terhadap golongan OKU perlu diterapkan agar masyarakat menjadi masyarakat yang prihatin dan bijak dalam menangani perkara-perkara yang akan berlaku kepada golongan OKU. Masyarakat khususnya mahasiswa perlu mempunyai pengetahuan tentang hak-hak OKU agar mereka lebih peka dengan keadaan sekeliling apabila berlaku sesuatu yang tidak diinginkan terhadap golongan OKU. Walaupun golongan OKU mempunyai kemampuan untuk menjaga diri mereka sendiri, namun mereka masih memerlukan sokongan daripada semua pihak bagi meringankan beban yang mereka alami.

Golongan OKU dan Mahasiswa

Pada peringkat pengajian tinggi, pelajar OKU yang belajar di institusi pengajian tinggi didapati terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal dan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap pelajar OKU seperti mereka dianggap beban menurut Hasnah, Tajul, Hanafi, Mokhtar dan Hazwani (2009). Golongan OKU juga memerlukan pelajaran sehingga tahap yang tinggi kerana mereka mempunyai akal fikiran seperti manusia normal juga. Namun begitu, apabila mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi, mereka mempunyai halangan persekitaran yang memberi kesukaran kepada mereka untuk bergerak ke tempat yang ingin dituju. Sebagai contoh, prasarana fizikal seperti tidak menyediakan laluan untuk mereka yang menggunakan kerusi roda atau *wheelchair* atau tangga tidak mempunyai *railing* yang diperlukan bagi golongan OKU fizikal. Oleh itu, kebanyakan pelajar OKU di peringkat pengajian tinggi terpaksa memikirkan laluan lain yang sesuai untuk ke kelas dan sebagainya. Selain daripada halangan dalam bentuk prasarana, golongan pelajar OKU di IPT juga perlu berdepan dengan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap golongan OKU. Sikap negatif dalam fikiran pelajar adalah suatu sikap yang perlu dikikis seperti memandang rendah terhadap golongan OKU dan menganggap golongan OKU adalah suatu yang membebankan. Hal ini kerana pelajar OKU juga memerlukan pelajaran seperti

pelajar normal yang lain. Apabila mereka mempunyai tugas atau perlu ke tempat yang mereka inginkan, pelajar OKU seringkali dianggap memberikan beban kerana pelajar lain perlu memberi bantuan kepada mereka seperti menolak kerusi roda. Malah, adakalanya pelajar OKU terpaksa berebut kemudahan seperti lif dengan pelajar normal yang lain.

OBJEKTIF KAJIAN

Kertas ini mengupas beberapa objektif kajian berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan mahasiswa Tahun 3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM terhadap golongan OKU?
2. Apakah sikap mahasiswa Tahun 3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM terhadap golongan OKU?
3. Apakah hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa Tahun 3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM terhadap golongan OKU

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kajian yang dijalankan ini adalah berupa kaedah kajian kuantitatif yang bertujuan mengkaji tahap hubungan antara pengetahuan dan sikap serta hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa Tahun 3, FSSK, UKM terhadap golongan OKU. Responden kajian ini terdiri daripada 260 mahasiswa Tahun 3, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan yang menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia. Seramai 20 orang responden daripada setiap kursus Tahun 3, FSSK telah dipilih menggunakan keadah persampelan rawak mudah bagi mewakili kursus masing-masing yang dipilih dengan menggunakan responden rawak berstrata. Namun, terdapat juga responden bagi beberapa kursus yang mempunyai lebih daripada 20 responden dan kurang daripada 20 responden untuk menjawab soal selidik tersebut. Maka, soal selidik telah diedarkan kepada 260 sampel daripada 12 program iaitu pelajar Tahun 3 di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. Pemilihan responden adalah secara rawak iaitu seramai 20 orang mahasiswa Tahun 3 yang mewakili setiap program di FSSK.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan instrumen yang dihasilkan oleh Hasnah Toran (2011) iaitu Pengetahuan dan Sikap terhadap OKU. Maka, set borang soal selidik bagi kajian ini terdiri daripada tiga bahagian utama iaitu; Bahagian A: Demografi responden, Bahagian B: Pengetahuan dan Pendedahan serta Bahagian C: Persepsi dan Sikap. Bahagian A mengumpul maklumat mengenai jantina, umur, bangsa, agama dan bidang pengkhususan responden. Bahagian B terdiri daripada 14 item mengenai kesedaran tentang kewujudan pelajar OKU di fakulti, universiti mahupun di luar, kefahaman tentang golongan OKU dan pengetahuan yang menyentuh tentang hak-hak asasi OKU, hak pendidikan, Akta OKU 2008 dan prasarana OKU. Bahagian C pula mengandungi 13 item yang meliputi kekerapan perhubungan dengan pelajar OKU, penerimaan terhadap pelajar atau rakan sebaya OKU dalam kumpulan tugas, pandangan tentang sikap yang ditunjukkan kepada pelajar OKU dan kemudahan seperti masa yang diberikan kepada OKU untuk menjawab peperiksaan serta sokongan akademik atau kaunseling kepada OKU. Bahagian B dan C menggunakan skala likert empat mata iaitu, sangat tidak bersetuju (STB), tidak bersetuju (TB), bersetuju (B) dan sangat bersetuju (SB).

KEBOLEHPERCAYAAN

Bagi kajian ini, kebolehpercayaan dan kesahan instrumen telah dibuat dengan menggunakan kajian rintis kepada 45 orang mahasiswa tahun 3, FSSK di UKM (Jadual 1). Data yang diperoleh daripada kajian rintis dianalisis dengan menggunakan model Cronbach Alpha. Nilai kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah tahap pengetahuan ialah 0.797 manakala nilai kebolehpercayaan bagi pemboleh ubah sikap pula ialah 0.671. Menurut Majid (1994), indeks kebolehpercayaan yang baik dan boleh digunakan seharusnya melebihi nilai 0.60.

Jadual 1: Nilai pekali kebolehpercayaan instrument soal selidik.

Bahagian	Pemboleh ubah	Nilai Alfa Cronbach
B	Pengetahuan Mahasiswa tentang golongan OKU	0.797
C	Sikap Mahasiswa terhadap golongan OKU	0.671

HASIL KAJIAN

Kajian ini melibatkan 260 orang pelajar Tahun 3, FSSK, UKM untuk mengenalpasti hubungan antara pengetahuan dan sikap mahasiswa terhadap golongan OKU. Jadual 1 menunjukkan demografi mahasiswa Tahun 3 FSSK iaitu majoritinya adalah responden perempuan (214 orang). Manakala, majoriti umur responden pula berada dalam lingkungan umur 23 hingga 25 tahun iaitu seramai 175 pelajar (67.7%). Manakala, pelajar psikologi adalah majoriti pelajar tahun 3 FSSK iaitu seramai 30 orang pelajar (11.5%).

Demografi	Kekerapan (n)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	45	17.3
Perempuan	214	82.7
Umur		
22 tahun dan ke bawah	75	28.8
23 hingga 25 tahun	176	67.7
26 hingga 28 tahun	9	3.5
Program		
Kerja Sosial	20	7.7
Psikologi	30	11.5
Persuratan Melayu	20	7.7
Bahasa Inggeris	23	8.8
Sejarah	17	6.5
Bahasa Melayu	19	7.3
Sains Pembangunan	20	7.7
Komunikasi Media	20	7.7

Sains Politik	25	9.6
Geografi	26	10.0
Antropologi dan Sosiologi	24	9.2
Linguistik	16	6.2

Tahap Pengetahuan Mahasiswa Tahun 3 FSSK, UKM tentang OKU

Berdasarkan pengetahuan responden, mereka memiliki pengetahuan yang tinggi berkenaan golongan OKU kerana mereka sering membaca atau menonton berita mengenai golongan OKU samada dari media cetak atau elektronik. Secara majoritinya, responden sering membaca atau menonton berita mengenai golongan OKU samada dari media cetak atau elektronik iaitu seramai 147 responden mengatakan bersetuju dan 67 responden mengatakan sangat bersetuju.

Jadual 1. Tahap pengetahuan Mahasiswa Tahun 3 FSSK, UKM tentang golongan OKU

No. Item	Penyataan	Sangat Bersetuju	Bersetuju	Tidak Bersetuju	Sangat Tidak Bersetuju
1.	Saya faham apa itu OKU	146	110	4	0
2.	Di luar kampus, saya mengenali seorang OKU (contohnya: rakan, saudara, jiran, anak kepada rakan/saudara/jiran dll)	120	110	25	5
3.	Saya sering membaca/menonton berita mengenai golongan OKU dari media cetak/elektronik	67	147	41	5
4.	Golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja	24	33	121	82
5.	Saya pernah melihat pelajar OKU di universiti	148	107	5	0
6.	Saya tahu terdapat pelajar OKU di fakulti saya	128	107	21	4
7.	Saya pernah mengambil kelas dengan pelajar OKU	73	74	88	25
8.	Saya pernah bergaul dengan pelajar OKU melalui aktiviti kokurikulum kampus	72	97	76	15
9.	Saya mempunyai sekurang-kurangnya seorang rakan OKU di kampus	72	79	94	15
10.	Saya berpendapat bahawa golongan OKU layak menerima hak pendidikan yang sama sepertimana orang lain	184	74	1	1

11.	Golongan OKU di Malaysia mendapat hak-hak asasi yang sama rata dengan rakyat yang lain	113	96	41	10
12.	Saya tahu tentang Akta OKU 200	24	74	128	34
13.	Saya tahu apa itu prasarana “mesra- OKU”	81	122	49	8
14.	Prasarana kampus ini adalah “mesra-OKU”	45	106	97	12

Kajian berkenaan realiti dan kesamarataan Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia oleh Hazlin, Wan Amizah dan Maizatul (2015) menunjukkan bahawa media massa sangat memainkan peranan sebagai medium perantaraan dalam menyampaikan maklumat serta memberikan kesedaran kepada masyarakat. Oleh hal demikian, secara tidak langsung mereka menerima maklumat berkenaan OKU melalui media massa dan media cetak. Namun begitu apabila merujuk kajian lepas, pelaksanaan penyampaian maklumat dan kesedaran terhadap OKU di Malaysia masih menunjukkan kelemahan sama ada di peringkat institusi media atau masyarakat. Mereka juga secara majoritinya mengetahui bahawa golongan OKU bukan sekadar golongan yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja malah dari segi mental juga kerana apabila merujuk soalan berkenaan golongan OKU hanyalah golongan yang mempunyai kecacatan fizikal sahaja, secara majoritinya responden mengatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju iaitu seramai 121 responden dan 82 responden.

Menurut Akta OKU 2008, individu kurang upaya tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan atas alasan ketidakupayaan yang dialami oleh mereka. Selain itu, individu kurang upaya juga tidak boleh dikecualikan daripada menerima pendidikan prasekolah, rendah, menengah, tinggi, latihan vokasional dan pembelajaran sepanjang hayat. Hal ini selaras dengan dasar kesetaraan hak individu terutamanya dalam menyokong penglibatan penuh individu kurang upaya dalam pendidikan. Secara majoritinya, responden berpendapat bahawa golongan OKU layak menerima hak pendidikan yang sama sepertimana orang lain iaitu seramai 184 responden mengatakan sangat bersetuju berkenaan pernyataan tersebut dan diikuti oleh 74 responden mengatakan bersetuju. Kajian peranan integriti dalam sistem sokongan orang kurang upaya fizikal dalam Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014 oleh Norfatimah dan Ferlis (2014) menunjukkan bahawa aspek integriti dalam sistem sokongan OKU-Fizikal mempunyai kaitan yang penting. Sistem sokongan yang dimaksudkan seperti sokongan daripada penjaga atau keluarga, sokongan rakan, sokongan peralatan dan sokongan daripada institusi. Oleh itu, golongan OKU memerlukan sokongan daripada semua pihak. Pengetahuan boleh diperolehi melalui alternatif yang lain seperti kajian lepas iaitu seperti kajian pelaksanaan program Disability Equality Training (DET) dalam memberikan pengetahuan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai isu kekurangupayaan oleh Ferlis dan Fariz (2014) dalam Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014.

Pengetahuan berkenaan maksud OKU adalah sangat tinggi iaitu secara majoriti responden faham maksud OKU iaitu seramai 146 responden dan 110 responden mengatakan sangat bersetuju dan bersetuju tentang kefahaman mereka iaitu maksud OKU. Selain itu, responden juga mengetahui berkenaan prasarana “mesra-OKU” iaitu secara majoritinya seramai 122 responden menyatakan bersetuju dan 81 responden menyatakan sangat bersetuju.

Oleh itu, secara tidak langsung mereka mempunyai pengetahuan tentang fasiliti yang diperlukan oleh golongan OKU. Merujuk kepada kajian lepas oleh Shalini dan Wee (2011) dalam kajiannya mengenai kajian penyediaan fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru menunjukkan bahawa fasiliti OKU yang terdapat di setiap bangunan masih berada dalam tahap kekurangan dan fasiliti tersebut perlu dibaiki dan dilakukan penambahbaikan secepat mungkin untuk meningkatkan kualiti fasiliti OKU. Namun begitu, fasiliti yang disediakan oleh pihak UKM agak kurang mesra dengan OKU.

Sikap Mahasiswa Tahun 3 FSSK, UKM terhadap golongan OKU

Bagi sikap responden pula, secara majoritinya, seramai 121 responden dan 105 responden menyatakan bersetuju dan sangat bersetuju bahawa mereka menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar-pelajar lain. Secara tidak langsung responden merupakan mahasiswa yang berfikiran positif dan menganggap bahawa golongan OKU juga adalah manusia biasa seperti mereka. Hal ini kerana mereka akan berfikiran secara waras dan akan menunjukkan sikap yang positif kepada golongan OKU apabila berhadapan dengan mereka. Selain itu, terdapat pernyataan yang mengatakan bahawa mereka tidak berasa malu untuk menjalinkan persahabatan dengan rakan sebaya OKU iaitu secara majoritinya adalah mereka mengatakan sangat bersetuju bahawa mereka tidak berasa malu untuk menjalinkan persahabatan dengan rakan sebaya OKU iaitu seramai 124 responden dan diikuti dengan 115 responden yang menyatakan bersetuju. Kajian lepas menyatakan bahawa sikap prejudis yang sukar dikikis mengenai OKU dapat dilihat dalam bentuk sikap dan tingkah laku negatif seperti layanan yang tidak mesra terhadap mereka seperti dalam konteks sosial, pendidikan dan vokasional (Rao, 2004). Namun, bagi responden yang terlibat dalam UKM ini mendapat pandangan yang positif berkenaan sikap mereka terhadap OKU.

Jadual 2: Sikap Mahasiswa Tahun 3 FSSK, UKM terhadap golongan OKU

No. Item	Pernyataan	Respon			
		SB (n)	B (n)	TB (n)	STB (n)
1.	Saya kerap kali berjumpa atau berhubung dengan pelajar OKU	24	92	130	14
2.	Saya menganggap pelajar OKU sama seperti pelajar-pelajar lain	105	121	30	4
3.	Saya berasa kurang selesa dan agak sukar untuk bertindak biasa apabila berjumpa dengan pelajar OKU	11	40	123	86
4.	Saya berasa simpati terhadap keadaan yang dialami oleh pelajar OKU	99	148	9	4
5.	Saya tidak berasa malu untuk menjalinkan persahabatan dengan rakan sebaya OKU	124	115	11	10
6.	Sekiranya saya berjumpa atau berjalan dengan rakan sebaya OKU, saya tidak akan peduli apa yang orang lain fikir	133	120	4	3
7.	Saya tidak keberatan untuk berpasangan atau berkumpul	123	129	8	0

	dengan pelajar OKU untuk sesuatu tugas akademik				
8.	Kehadiran pelajar OKU dalam kumpulan tugas akan melambatkan kemajuan sesuatu kerja kumpulan	6	19	148	87
9.	Pelajar OKU akan melambatkan proses pembelajaran saya di dalam kuliah	7	15	134	104
10.	Memberikan lebih masa untuk pelajar OKU menjawab soalan peperiksaan adalah tidak adil	7	40	123	90
11.	Pelajar OKU di sini dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan	81	157	20	2
12.	Pelajar OKU terlalu bergantung kepada rakan-rakan dalam kehidupan seharian dan aktiviti pembelajaran mereka	10	36	163	51
13.	Sokongan akademik/kaunseling kepada pelajar OKU adalah suatu beban kewangan bagi pihak universiti	11	23	127	99

Kajian lepas banyak membincangkan layanan dan sikap yang dihadapi oleh pelajar OKU terutama di peringkat pengajian tinggi iaitu pelajar OKU didapati terpaksa berhadapan dengan halangan persekitaran seperti prasarana fizikal dan sikap negatif dalam kalangan warga kampus terhadap pelajar OKU seperti mereka dianggap beban menurut Hasnah et al. (2009). Namun begitu, hasil kajian ini menyatakan bahawa secara majoritinya seramai 127 responden dan diikuti dengan 99 responden menyatakan tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju bahawa sokongan akademik atau kaunseling kepada pelajar OKU adalah suatu beban kewangan bagi pihak universiti. Kajian sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia oleh Hasnah et al (2009) menunjukkan bahawa pelajar-pelajar OKU di IPTA banyak bergantung kepada bantuan dan sokongan rakan-rakan rapat mereka. Namun bagi mahasiswa yang terlibat, secara majoritinya iaitu seramai 148 responden tidak bersetuju dan diikuti dengan 87 responden menyatakan sangat tidak bersetuju bahawa kehadiran pelajar OKU dalam kumpulan tugas akan melambatkan kemajuan sesuatu kerja kumpulan. Selain itu, responden juga secara majoritinya mereka menyatakan tidak bersetuju dan diikuti dengan sangat tidak bersetuju iaitu seramai 134 responden dan 104 responden tentang pernyataan yang menyatakan pelajar OKU akan melambatkan proses pembelajaran mereka di dalam kuliah.

Bagi pernyataan tentang pelajar OKU di UKM dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan, secara majoritinya menyatakan bahawa pelajar OKU di sini dilayan dengan adil oleh pensyarah-pensyarah dan rakan-rakan iaitu seramai 157 responden menyatakan bersetuju dan diikuti dengan 81 responden menyatakan sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut. Mengikut kajian lepas dari segi pendidikan, guru atau ibu bapa tidak memberi pendidikan yang sewajarnya kepada golongan OKU seperti tidak memberi perhatian yang sepenuhnya kepada golongan OKU kerana mereka memerlukan perhatian yang sepenuhnya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan yang bakal diberi kepada mereka. Selain

itu, hasil kajian oleh Manisah, Ali dan Zaleha (2010) dalam kajiannya, kesediaan dan penerimaan para pengajar terhadap mahasiswa/mahasiswi berkeperluan khas di Institusi Pengajian Tinggi mendapati tiada kemahiran khas didedahkan kepada para pengajar di IPT untuk mereka mengajar pelajar OKU. Merujuk kepada kajian lepas oleh Hall dan Tinklin (1998) melaporkan bahawa pelajar-pelajar kurang upaya di universiti-universiti di Britain dalam tahun 1990an menerima sokongan untuk mengakses pengajian tinggi secara ad hoc dan perlu banyak bergantung kepada belas ikhsan staf dan pelajar-pelajar lain. Namun, secara majoritinya, seramai 163 responden menyatakan tidak bersetuju dan diikuti dengan 51 responden menyatakan sangat tidak bersetuju bahawa pelajar OKU bergantung kepada rakan-rakan dalam kehidupan seharian dan aktiviti pembelajaran mereka. Oleh itu, kajian mendapati bahawa pensyarah dan responden melayan golongan OKU dengan baik dan adil kepada semua.

Jadual 3 : Hubungan pengetahuan dan sikap mahasiswa UKM terhadap golongan OKU

Hubungan antara dua pemboleh ubah	Nilai, r
Pengetahuan dan sikap mahasiswa UKM terhadap golongan OKU	0.460

*Signifikan pada aras $p < 0.05$

Merujuk kepada Jadual 3, terdapat hubungan antara pengetahuan dan sikap responden terhadap golongan OKU. Hal ini kerana sikap responden bergantung kepada pengetahuan yang mereka peroleh. Selain itu, responden juga menunjukkan sikap yang positif terhadap golongan OKU kerana mereka memiliki pengetahuan pada tahap yang tinggi tentang OKU. Responden juga pernah bekerjasama dan berjumpa dengan golongan OKU di dalam kampus mahupun luar kampus. Responden menunjukkan sikap yang mesra dan selesa kepada golongan OKU apabila berhadapan dengan mereka. Hubungan ini dapat dibuktikan melalui ujian korelasi di antara pengetahuan dan sikap mahasiswa pada aras $p < 0.05$, dengan nilai pekali $r = 0.460$. Hubungan yang positif menunjukkan bahawa semakin tinggi pengetahuan mahasiswa berkenaan OKU, maka semakin positif sikap yang ditunjukkan kepada golongan OKU.

RUMUSAN

Hasil kajian juga mendapati bahawa tahap pengetahuan mahasiswa berkenaan OKU lebih tinggi berbanding sikap yang ditonjolkan oleh responden terhadap golongan OKU. Umumnya pengetahuan mahasiswa mempunyai hubungan dengan sikap mereka terhadap OKU. Pengetahuan tentang golongan OKU adalah penting bagi meningkatkan kefahaman mereka tentang OKU. Selain itu, sikap mahasiswa juga bergantung kepada pengetahuan mereka tentang OKU dan juga keadaan persekitaran kehidupan mereka. Jika hanya mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang golongan OKU, namun keadaan sekeliling yang mempengaruhi mahasiswa adalah negatif, mereka juga mungkin tidak akan menunjukkan sikap yang positif kepada golongan OKU.

RUJUKAN

- Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685). Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Anon. 2009. Kajian OKU di IPT Siap Akhir Tahun. *Utusan Online*, 9 November: 9.
- Bandura, A. 1997. *Social Learning Theory*. New Jersey: Prentice-Hall.

- Ferlis Bahari, Mohd. Dahlan, Jasmine Adela, Lineker ak Takom. 2014. Peranan Model Sosial Mengenai Kekurangupayaan Dengan Peningkatan Kualiti Hidup Dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya di Malaysia. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah. 11 Disember.
- Ferlis Bin Bullare @ Bahari, Mohd. Dahlan A. Malek, Jasmine Adela Mutang, Lineker ak Takom, Rosnah Ismail, Fariz A. Rani. 2014. Peranan Model Sosial Mengenai Kekurangupayaan dengan Peningkatan Kualiti Hidup dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember.
- Ferlis bin Bullare@ Bahari & Fariz A. Rani. 2014. Pelaksanaan Program Disability Equality Training (DET) dalam memberikan Pengetahuan dan Kesedaran kepada Masyarakat mengenai Isu Kekurangupayaan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember.
- Hasliza Hassan. 2015. Prasarana mesra OKU di masjid masih kurang. *Berita Harian*, 7 November: 2015.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Taha & Norasuzaini Sujak. 2009. Sokongan dan Halangan yang dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya di sebuah Institusi Pengajian di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education Vol 1, No 2: 18-29.*
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Nur Hazwani Hamzah. 2011. Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya terhadap Pelajar Kurang Upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *ASEAN Journal of Teaching and Learning in Higher Education Vol. 2, No.2, 22-34.*
- Hazlin Falina Rosli, Wan Amizah Wan Mahmud & Maizatul Haizan Mahbob. (2015) Realiti dan Kesamarataan Hak Orang Kelainan Upaya (OKU) di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Mention 2015, Universiti Kebangsaan Malaysia, 5 & 6 Oktober.
- Lineker ak Takom, Ferlis Hj. Bahari & Nurul Hudani Md. Naw. 2014. Peranan atau Tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat Dalam Menangani Isu Pengabaian dan Penderaan Dalam Kalangan Anak Oku. Kesihatan Mental Ibu Bapa Kanak-Kanak OKU: Kajian Awal. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah. 11 Disember.
- Manisah Mohd. Ali & Zaleha Saadi. 2011. Kesian dan Penerimaan Para Pengajar Terhadap Mahasiswa/Mahasiswi Berkeperluan Khas di Institusi Pengajian Tinggi. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA 2012. Johor Bahru, 7-9 Oktober.
- Norfatimah Syed Ali & Ferlis Hj. Bullare @ Bahari. 2014. Peranan Integriti dalam Sistem Sokongan Orang Kurang Upaya Fizikal. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Universiti Malaysia Sabah, 11 Disember,
- Seow Ta, S. Shalini, Mohd Nur Syufaat, Zainal Zuhilmi, Abidin & Siti Aminah. 2013. Kajian Awal Terhadap Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) Di Taman Negara Negeri Johor: Kajian Kes Di Pulau Kukup, Tanjung Piai, Gunung Ledang Dan Endau-Rompin (Peta). Prosiding Seminar Serantau Ke-2 Pengurusan Persekitaran di Alam Melayu. Indonesia. 6-7 Mei.
- Shalini. S & Wee. S. T. 2011. Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor.
- Tinklin, T. & Hall, J. 1999. Getting round obstacle: disabled students' experiences in higher education in Scotland. *Studies in Higher Education, 24(2), 183-194.*

Noordeyana Tambi & Nur Aqilah Natasha Hazan

Pusat Pengajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi Selangor
Emel: deyana@ukm.edu.my